

CNS6739

U GB 25-08 00196 BA331

aab

Mahathir - Rahim

KERAJAAN SIASAT DAKWAAN TERHADAP RAHIM, KATA PERDANA MENTERI

LANGKAWI, 25 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan menyiasat dakwaan-dakwaan yang sedang tersebar luas mengenai peribadi Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik, termasuk yang mengatakan beliau mempunyai hubungan dengan pelajar sekolah.

Kerajaan akan mengambil tindakan sekiranya dakwaan-dakwaan itu didapati benar, kata Perdana Menteri.

Beliau berkata, walaupun Rahim telah berjumpa dengan beliau semalam untuk menyatakan bahawa tuduhan-tuduhan itu tidak benar tetapi beliau (Dr Mahathir) akan mendapatkan laporan daripada pihak ketiga.

"Ya, dia berjumpa saya banya untuk menyatakan bahawa dia menganggap sebagai tidak benar tuduhan-tuduhan yang dibuat itu tetapi itu pengakuannya. Bagi saya, saya kena tahu daripada pihak ketiga tentang benar atau tidak benar (tuduhan-tuduhan itu)," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Menteri-Menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN Ke-16 di hotel Langkawi Island Resort di sini hari ini.

Ketika ditanya siapakah "pihak ketiga" itu, Dr Mahathir berkata: "Pihak ketiga yang biasanya ialah agensi-agensi kerajaan yang terlibat dengan penyiasatan dalam perkara-perkara yang semacam ini."

Beliau bagaimanapun tidak menamakan agensi-agensi berkenaan. -- Lagi.

▼25/08/13-195MS

U GB 25-08 00166 BA332

aab

Mahathir - Rahim 2 (Akhir) Langkawi

Semalam akhbar Utusan Malaysia melaporkan Rahim dijangka mengundurkan diri daripada kepimpinan Pergerakan Pemuda UMNO kerana menghadapi masalah peribadi.

Ketika diminta mengulas berita itu oleh wartawan semalam, Rahim menyifatkan desas-desus yang sedang tersebar mengenai dirinya sekarang sebagai "satu spekulasi yang tidak perlu diulas."

Menurut laporan akhbar hari ini, Rahim juga menafikan akan meletakkan jawatan dan menyatakan bahawa setakat ini, beliau tidak mempunyai masalah peribadi yang berat yang memerlukan beliau meletakkan jawatan.

Perdana Menteri berkata beliau akan menunggu laporan daripada pegawai-pegawai yang bertanggungjawab dalam penyiasatan itu.

"Secara rasmi saya belum mendapat laporan... saya cuma mendengar cerita-cerita sahaja," katanya.

Beliau belum dapat membuat "pertimbangan" sebelum mendapat maklumat yang mencukupi, kata beliau.

"Kalau saya buat judgement (pertimbangan) sekarang ini, nampak tidak adil. Tetapi kalau kita dapat maklumat yang menunjukkan tuduhan itu benar, tentulah kita ambil tindakan. Sementara itu saya tak nak komenlah," katanya. -- Beruama.

KHY NMO

▼25/08/13-495MS